

JEJU

YANG MEMUKAU

Oleh Abdul Halim Abdullah

Alang-alang berada di bumi Korea Selatan, tidak lengkap lawatan jika tidak berkunjung ke pulau peranginan terkenal negaranya, iaitu Jeju. Pulau ini berkeluasan 1849 kilometer persegi, iaitu 2.6 kali ganda keluasan Singapura. Pulau ini juga mengalami empat musim, iaitu musim panas, musim luruh, musim sejuk dan musim bunga. Sektor pelancongan merupakan sumber ekonomi utama di sini. Oleh itu, tidak hairanlah jika Lapangan Terbang Antarabangsa Jeju merupakan lapangan terbang kedua tersibuk di Korea Selatan selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon.

Berdasarkan laporan rasmi oleh Euromonitor International yang bertajuk “*Top 100 City Destinations 2018*”, sebanyak 100 buah bandar raya di dunia menjadi destinasi pelancongan pada tahun 2017. Menurut jangkaan bilangan pelancong dari seluruh dunia pada tahun 2018, Jeju di tangga ke-87 yang menerima kemasukan pelancong tertinggi di dunia. Sehubungan dengan itu, penulis meluangkan masa selama tiga hari di Jeju untuk menikmati keindahan pulau yang juga dikenali sebagai “Hawaii Korea Selatan” sewaktu musim panas baru-baru ini.

Pada hari pertama, penulis berkunjung ke bahagian selatan pulau tersebut (penulis menginap di bahagian utara Jeju). Perjalanan itu mengambil masa hampir satu jam. Destinasi pertama ialah Pantai Jisatgae, yang terletak di Jusangjeolli, yang mempamerkan tiang-tiang batu yang mengaumkan di sepanjang pantai dan merupakan monumen kebanggaan di Jeju.

Jusangjeolli terbentuk apabila lava dari Gunung Hallasan meletus ke Laut Jungmun. Tiang-tiang batu berbentuk seperti kiub atau heksagon dengan pelbagai saiz. Kawasan ini terdiri daripada batuan berbentuk tiang yang berketinggian 25 meter, terletak di sepanjang




Penulis di pantai Woljeongri.



호저
우서여

Welcome to Jeju

본 차음사에 "는 재규판과 "이서오세고" 라는 뜻입니다.]



Pantai Jusangjeolli.



Penulis di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeju, Korea Selatan.

pantai sepanjang dua kilometer dari Jungmun hingga ke Daepo. Kawasan itu juga terdiri daripada batu *trachybasaltic* yang terbentuk sejak 140 000 hingga 250 000 tahun yang lalu dan diiktiraf sebagai aset budaya negara kerana nilai akademik dan landskapnya.

Gelombang air pasang yang jatuh di tepi tebing juga memberikan pemandangan laut yang menarik. Kemudian, penulis ke kawasan Air Terjun Cheonjeyeon, yang terletak tidak jauh dari Jusangjeolli. Air terjun itu ialah air terjun tiga tingkat, iaitu airnya mengalir dari siling sebuah gua dan membentuk air terjun. Di tingkat pertama air terjun, tebingnya setinggi 22 meter dan air jatuh ke dalam kolam Cheonjeyeon pada kedalaman 21 meter. Dari tingkat pertama, air terjun itu mengalir ke tingkat kedua setinggi 30 meter, seterusnya ke air terjun ketiga sebelum mengalir ke lautan.

Cheonjeyeon bermakna Kolam Maharaja Syurga. Menurut legenda Korea Selatan, tujuh pari-pari akan turun dari langit pada waktu malam dan mandi di kolam itu. Penulis



Seongsan Ilchulbong.

terpukau akan keindahan air terjun itu dengan refleksi batuan yang terhasil pada air terjun yang sangat jernih dan membiru. Air terjun Cheonjeyeon juga dikatakan antara air terjun yang tercantik di Jeju.

Di Lembah Cheonjeyeon, terdapat Jambatan Seonimgyo (jambatan gerbang dengan tujuh pari-pari yang diukir di tepi) yang terletak bersebelahan pavilion Cheonjeru. Jambatan

Seonimgyo juga dipanggil Chilseonyeogyo, yang bermaksud Tujuh Jambatan Pari-pari menghubungkan air terjun Cheonjeyeon dan Kompleks Pelancongan Jungmun. Pada bulan Mei, iaitu pada setiap tahun genap, Festival Chilseonyeo diadakan di sini.

Selepas makan tengah hari, perjalanan diteruskan ke Gunung Songaksan. Walaupun dikenali sebagai gunung, ketinggiannya tidaklah seperti gunung tetapi hanya seperti bukit yang boleh dilalui secara santai. Gunung ini juga dikenali sebagai 99 Bong (99 Peaks) kerana 99 puncaknya yang kecil. Jalan dari Kuil Sanbanggalsa ke Gunung Songaksan merupakan jalan pesisir laut yang terkenal dengan pemandangan yang indah. Walaupun tidak begitu besar seperti Gunung Hallasan, pandangan dari puncak Songaksan sangat menakjubkan.

Dari puncak, kelihatan pulau berdekatan seperti Marado, Gapado, dan Hyeongjeseom. Di samping itu, penulis juga dapat melihat Gunung Hallasan dan Lautan Pasifik. Puncak utama berada pada 104 meter dari paras laut. Di barat laut puncak utama merupakan padang rumput luas dengan beberapa puncak. Terdapat kawah yang berukuran kira-kira 500 meter diameter dan 80 meter secara mendalam, dengan abu gunung berapi kehitaman masih tinggal di dalamnya. Di sepanjang pantai, ada gua buatan manusia yang besar semasa pendudukan tentera Jepun di pulau itu.

Destinasi terakhir penulis pada hari pertama ialah Muzium Teh O'sulloc. Muzium ini terletak bersebelahan ladang teh Seokwang dan dibuka pada


bulan September 2001 sebagai muzium teh pertama di Korea Selatan. Muzium ini dibangunkan untuk memperkenalkan sejarah teh Korea Selatan dan tradisinya. Muzium teh yang menggabungkan cita rasa timur dan barat serta tradisi ini telah berkembang menjadi muzium teh abad ke-21 yang memaparkan pelbagai ruang termasuklah taman dalaman dan galeri cawan.

Muzium teh ini juga terpilih antara 10 buah muzium terbaik di dunia oleh *designboom*, sebuah majalah dalam talian yang popular untuk seni bina, seni dan reka bentuk untuk pemandangan indah di dalam dan di luar muzium. Muzium ini juga antara lokasi pelancongan yang paling popular di Jeju, yang dilawati oleh 1.5 juta orang pada setiap tahun. Terdapat pelbagai jenis teh yang dijual dan sebuah kafe untuk menikmati ais krim teh hijau yang sangat terkenal. Walaupun penulis bukan penggemar teh hijau, peluang untuk merasai ais krim teh hijau tidak dilepaskan begitu sahaja.

Pada hari kedua, penulis mengunjungi Pantai Gimnyeong. Pantai ini antara pantai yang paling popular di pantai timur Jeju dan dinamakan bersempena dengan sebuah kubu yang dibina untuk mencegah pencerobohan negara asing

di Gimnyeong Village suatu ketika dahulu. Pantai ini terbentuk setelah pasir halus melitupi batu-batuan volkano yang besar, luas dan rata serta mengandungi pasir putih yang bersih dan menyediakan suasana eksotik untuk pengunjung berehat dan bersantai. Para pengunjung boleh bersnorkel dan bermain papan luncur kerana airnya cetek.

Di sini juga ada kincir angin gergasi yang menjanakan kuasa elektrik untuk bangunan di sekitar pantai itu. Pantai ini juga terkenal dengan



Kincir angin gergasi.

nelayannya yang menangkap hasil hidupan laut dari celah batu-batuan. Berdekatan pantai ini terletak Gua Manjanggul, yang boleh dijadikan tempat berteduh ketika cuaca panas terik. Kemudian, penulis ke Pantai Woljeongri, yang dilihat lebih meriah berbanding dengan Pantai Gimnyeong kerana lebih banyak pengunjung yang bermandi-manda di samping terdapat deretan kedai kopi di sepanjang pantai.

Pantai Woljeongri terkenal dengan pemandangan pasir putihnya dan lautannya yang memukau. Pantainya yang cetek menjadikannya lokasi yang sesuai untuk pengunjung bermandi-manda. Penulis berkesempatan duduk di kerusi berwarna-warni yang disediakan di tepi pantai sambil bergambar dan menikmati keindahan dan kemeriahan di pantai tersebut.


Kemudian, perjalanan diteruskan ke Seongsan Ilchulbong, iaitu puncak yang timbul dari bawah laut dalam letusan gunung berapi lebih 100 000 tahun yang lalu. Terletak di hujung timur Jeju, ada sebuah kawah besar di puncak Seongsan Ilchulbong yang berdiameter kira-kira 600 meter dan berketinggian 90 meter. Dengan 99 batu yang tajam mengelilingi kawah itu, kelihatannya seperti mahkota raksasa.



Penulis berlatarbelakangkan rimbunan bunga raja deli.



Kawasan gunung Hallasan.



Seongeup Folk Village.



Sementara bahagian tenggara dan utaranya ialah tebing, sebelah barat lautnya ialah bukit berumput yang menghubungkan Seongsan Village. Jalan pendakian menyediakan tempat yang ideal untuk berjalan kaki dan menunggang kuda. Di sini, matahari yang terbit dari kawah yang akan menghasilkan pemandangan yang luar biasa.

Puncak Seongsan Ilchulbong juga dikelilingi oleh bunga canola berwarna kuning pada musim bunga. Penulis mengambil masa lebih kurang setengah jam untuk mendaki puncak Ilchulbong bagi melihat kawah gunung berapi tersebut. Namun begitu, kawasan kawah berkenaan dilitupi oleh rumput menghijau kerana tanahnya yang subur. Dari puncak Ilchulbong, penulis dapat menikmati panorama keindahan kawasan sekeliling Seongsan Ilchulbong dan lautan yang membiru. Bagi sesiapa yang ingin mendaki puncak Ilchulbong, jangan lupa untuk mengalas perut dengan sedikit makanan ringan dan bawalah air kerana perjalanan pendakian itu agak mencabar dan curam.

Usai menikmati makan tengah hari, penulis menuju pula ke Seopjikoji, yang terletak di hujung

pantai timur Jeju yang memberikan pemandangan menakjubkan terutamanya pada bulan April apabila bunga *canola* kuning mekar sepenuhnya. Seopji ialah nama lama untuk kawasan itu dan Koji ialah dialek Jeju yang bermaksud bongkah di darat yang muncul secara tiba-tiba. Di atas bukit itu juga letaknya Rumah Api Hyeopja Beacon, yang mencapai ketinggian empat meter lebar dan panjangnya sembilan meter. Rumah api itu menjadi terkenal setelah menjadi lokasi penggambaran drama televisyen popular, All In pada tahun 2003.

Setelah hampir satu jam di Seopjikoji, penulis ke Seongeup Folk Village, iaitu sebuah perkampungan kecil yang penuh dengan budaya tradisi pada masa dahulu. Ciri-ciri kebudayaan di kampung rakyat itu diturunkan daripada generasi kepada generasi, termasuklah khazanah seperti rumah kediaman, kuil Confucian, sekolah, pejabat kerajaan purba, patung batu, runtuhan kubu dan monumen batu. Antara nilai kebudayaan yang dikekalkan termasuklah makanan asli, kraf tangan rakyat tempatan dan dialek tempatan. Pokok juga aspek penting warisan kawasan itu. Kawasan


kampung itu dikelilingi oleh dinding batu lava hitam, yang dihubungkan oleh lorong lurus dan dihiasi dengan patung Harubang yang menjadi ciri utama landskap kampung itu.

Pada hari ketiga, penulis mengunjungi Camellia Hill, iaitu taman bunga yang berkeluasan 172 000 meter persegi yang terletak di Sangchang Village, Andeok-myeon. Di sini, terdapat kira-kira 6000 pokok kamelia daripada 500 spesies yang berlainan. Taman ini juga mempunyai pokok palma, bunga liar dan tanaman lain seperti raja deli (*hydrangea*) dan tasik ekologi. Penulis sangat kagum akan keindahan bunga raja deli yang mekar dan memberikan pemandangan yang menakjubkan.


Pokok bunga raja deli ditanam dengan landskap yang pelbagai, memberikan peluang kepada pengunjung untuk bergambar dengan rimbunan bunga itu. Camellia Hill juga mempunyai kemudahan lain seperti galeri kraf yang bertemakan bunga kamelia, rumah hijau, bilik seminar pelbagai guna, dan kafe dalam taman. Satu jam setengah diperuntukkan untuk menikmati keindahan taman dan penulis berkesempatan menikmati kopi panas di kafe dalam taman itu.




Penulis di paras ketinggian 1100 meter Gunung Hallasan.



Ladang teh Seokwang.



Tingkat pertama air terjun Cheonjeyeon.



Tingkat kedua air terjun Cheonjeyeon.



Pasar Tradisional Dongmun.



Rumah api Hyeopja Beacon.

Destinasi seterusnya ialah Gunung Hallasan, iaitu gunung berapi di Jeju. Dengan ketinggian 1950 meter, gunung ini yang tertinggi di Korea Selatan. Kawasan di sekeliling gunung ini diwartakan sebagai Taman Negara Hallasan. Gunung Hallasan dianggap sebagai satu daripada tiga gunung utama di Korea Selatan selain Gunung Jirisan dan Gunung Seoraksan. Penulis menaiki bas hingga ke paras 1100 meter Gunung Hallasan. Pada paras tersebut, ada laluan untuk pengunjung menikmati kehijauan flora di sekitar gunung Hallasan. Waktu pendakian di Gunung Hallasan terhadap siang hari sahaja dan masa kebenaran untuk mendaki bergantung kepada musim tertentu. Pendaki juga wajib menuruni gunung sebelum terbenamnya matahari.

Gunung ini juga terkenal dalam kalangan saintis kerana nilai geologinya. Diiktiraf sebagai taman negara pada tahun 1970, terdapat 368 buah gunung berapi parasit yang dikenali sebagai Oreums di sekitar gunung utama. Gunung Hallasan juga terkenal dengan ekosistem floranya yang pelbagai hasil daripada suhu yang berbeza-beza di setiap peringkat ketinggian gunung.

Terdapat kira-kira 1800 jenis tumbuhan dan 4000 jenis binatang di kawasan Gunung Hallasan. Pada paras 1100 meter, penulis berkesempatan menikmati khazanah gunung tersebut dengan melalui laluan yang disediakan. Gunung Hallasan ini agak mudah didaki dengan laluan pendakian yang hanya kurang daripada 10 kilometer untuk pendakian ke atas dan penurunan dari puncak yang boleh dilakukan dalam masa satu hari.

Destinasi terakhir penulis ialah Pasar Tradisional Dongmun. Pasar ini dibina pada tahun 1945 dan antara pasar tradisional yang paling popular di Jeju. Di sini, terdapat pelbagai barang termasuklah makanan laut segar, pakaian, cenderamata, buah-buahan dan barangan lain yang dijual pada harga yang berpatutan. Di sini juga ada kedai buah limau yang sangat terkenal di Jeju, iaitu limau Hallabong. Buah limau ini diberikan namanya bersempena dengan nama gunung Hallasan. Buah limau ini manis dan bukan hanya diminati oleh pengunjung asing, malah menjadi kegemaran rakyat tempatan.

Musim sejuk dan musim bunga ialah musim terbaik untuk membeli limau ini. Banyak produk berasaskan limau ini turut dijual seperti coklat berperisa limau dan kerepek limau. Penulis mengakhiri hari ketiga dan terakhir di Jeju dengan membeli sedikit cenderahati di Pasar Tradisional Dongmun sebagai tanda kenang-kenangan.